

untuk mengutamakan kesihatan dan keselamatan. Crown memerlukan yang berikut:

Pembekal tidak harus mengambil bekerja sesiapa bawah usia bekerja yang sah.

Pembekal tidak harus membenarkan penggunaan buruh paksa atau wajib, perhambaan atau pemerdagangan manusia di kemudahan mereka sendiri atau dalam rantai bekalan mereka.

Pembekal harus menyediakan tempat kerja yang bebas gangguan, termasuk gangguan seksual, lisan, fizikal atau kelakuan yang menggambarkan, yang mewujudkan persekitaran yang menyakitkan hati, ganas atau menakutkan.

Pembekal tidak harus mendiskriminasi pekerja semasa atau bakal pekerja atas alasan bangsa, etnik, warna kulit, asal negara, keturunan, kenegaraan, warganegara, agama, usia, jantina (termasuk identiti atau ekspresi jantina), orientasi seksual, kecacatan, maklumat genetik, perkhidmatan beruniform, status veteran atau apa-apa ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkenaan, ordinar atau peraturan.

Pembekal harus berusaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat yang mematuhi semua undang-undang yang berkenaan atau, jika tiada undang-undang yang berkenaan, amalan industri yang terbaik. Pembekal harus mengambil tindakan bagi meminimumkan kemalangan, kecederaan dan penyakit semasa menjalankan kerja.

Pembekal harus mengiktiraf hak kebebasan persatuan dan tawar menawar kolektif di bawah undang-undang yang berkenaan.

Pembekal harus mematuhi semua undang-undang buruh yang berkenaan, termasuk yang berkaitan dengan gaji, kerja lebih masa, cuti, ketidakhadiran, kecacatan, waktu maksimum bekerja dan hak yang sah untuk bekerja.

## Alam Sekitar

Di Crown, komitmen alam sekitar ialah bahagian penting falsafah perniagaan kami. Crown mengiktiraf bahawa perlindungan kesihatan manusia dan alam sekitar ialah amalan perniagaan baik yang memulihara sumber dan melindungi pekerja, pelanggan, orang awam dan alam sekitar.


Mana-mana perusahaan yang bertanggungjawab harus mempertimbangkan potensi kesan alam sekitar proses pembuatan keputusan perniagaan setiap hari bersama dengan peluang bagi pemuliharaan sumber semua jadi, pengurangan sumber, pengitaran semula bahan dan kawalan pencemaran bagi memastikan udara dan air yang lebih bersih dan pengurangan sampah tanah timbus. Crown memerlukan pembekalnya untuk menjalankan perniagaan mengikut semua undang-undang alam sekitar yang berkenaan dan sangat menyarankan pembekalnya untuk menerima amalan mampan dalam menjalankan operasi mereka bagi memulihara sumber semula jadi dan mengurangkan kesan alam sekitar mereka.

## Integriti Perniagaan dan Antirasuah

Dalam menyokong nilai-nilai Crown bagi etika, moral, kejujuran dan kesusilaan dalam kerjanya, Crown memerlukan yang berikut daripada pembekalnya:

**Pematuhan Undang-undang Antitrust/Persaingan** – Pembekal akan mematuhi sepenuhnya undang-undang antitrust dan persaingan di negara Crown menjalankan perniagaannya. Sebagai contoh, pembekal tidak akan terlibat dengan pakatan sulit dalam bida, penetapan harga, diskriminasi harga atau apa-apa amalan perdagangan lain yang tidak adil dan melanggar undang-undang antitrust dan persaingan yang berkenaan.

**Antirasuah/Antisogokan** – Tiada pekerja Crown atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Crown harus membayar, menawarkan atau berjanji untuk membayar atau membenarkan pembayaran kepada mana-mana pihak, awam atau swasta, di mana-mana negara, untuk memperoleh manfaat secara tidak wajar untuk Crown. Mahupun menerima atau meminta pembayaran yang sedemikian. Pembekal tidak harus terlibat dengan apa-apa pembayaran tidak wajar, tawaran atau rayuan kepada kakitangan Crown. Hadiah yang munasabah, bukan tunai yang mempunyai nilai yang kecil (sederhana), serta makanan dan hiburan yang munasabah bagi tujuan perniagaan yang sah, dapat diterima dengan syarat ia bukan untuk dan tidak boleh dianggap sebagai rasuah, sogokan atau bentuk pampasan lain kepada penerima Crown. Pemberian apa-apa hadiah tunai (termasuk sesuatu yang sama nilai dengan tunai seperti kad hadiah, saham atau bon) atau apa-apa pinjaman peribadi kepada mana-mana kakitangan Crown adalah dilarang tanpa mengambil kira nilainya.



**Prinsip Crown** – Kakitangan Crown diharapkan untuk sentiasa bertindak demi kepentingan Crown dan untuk mengelakkan konflik peribadi, perniagaan atau konflik kepentingan lain. Crown mengharapkan pembekalnya untuk menyokong keperluan ini dengan melaporkan segera kepada Crown, sebarang konflik sebenar atau berpotensi yang mungkin timbul dalam hubungan kami.

**Kerahsiaan** – Pembekal yang menerima maklumat daripada atau bagi pihak Crown atas dasar sulit harus mengekalkan kerahsiaan tersebut dan harus menggunakan maklumat itu hanya dalam pelaksanaan kewajipan mereka terhadap Crown.


**Perlindungan Hartanah Intelektual** – Pembekal harus menghormati hak harta intelektual Crown dan pihak lain dan mematuhi kewajipan undang-undang dan kontraktual mereka kepada Crown berhubung dengan perlindungan semua harta intelektual yang disediakan kepada mereka oleh atau bagi pihak Crown.

**Perdagangan Antarabangsa** – Pembekal harus membantu Crown dengan mematuhi semua undang-undang perdagangan yang berkenaan dengan Crown dalam pelaksanaan kewajipan mereka. Undang-undang perdagangan itu termasuk Undang-undang Antiboikot AS serta undang-undang sekatan perdagangan AS dan EU, undang-undang kawalan eksport, undang-undang import dan undang-undang mengenai keselamatan rantai bekalan.

**Perlindungan Data** – Pembekal harus menghormati hak privasi dan mematuhi semua undang-undang yang berkenaan berhubung dengan perlindungan dan keselamatan data.

**Pemetaan Punca** – Pembekal mesti berupaya mendedahkan sumber yang berpotensi bagi punca utama yang dikaitkan dengan produk atau perkhidmatan yang disediakan kepada Crown. Jika diminta oleh Crown, pembekal akan menyediakan pemetaan rantai bekalan semula kepada puncanya. Kewajipan ini berkenaan bagi, sebagai contoh, mineral konflik yang diliputi oleh undang-undang A.S. yang berkenaan. Crown mengharapkan pembekal untuk menasihati Crown jika produk mereka mengandungi mineral konflik seperti yang ditetapkan oleh undang-undang A.S.

**Kawalan Kewangan** – Pembekal harus mengekalkan kawalan kewangan yang utuh dan menyimpan rekod yang lengkap dan tepat bagi semua operasi dan transaksi perniagaan yang melibatkan Crown mengikut dasar dan undang-undang yang berkenaan. Penyertaan dalam perubahan wang haram atau pembiayaan penganas atau aktiviti jenayah adalah dilarang sama sekali dalam apa jua cara.



## Penambahbaikan berterusan

Berusaha untuk kecemerlangan dan penambahbaikan berterusan ialah aspek penting bagi cara Crown menjalankan perniagaan. Crown menggalakkan dan menyarankan pembekal untuk:

Terus menambahbaik produk dan/atau perkhidmatan mereka supaya menambahbaik kualiti, mengurangkan kos dan mengurangkan kesan produk mereka ke atas persekitaran.

Mengekalkan rekod rantai bekalan yang tepat.

Mengenal pasti, menetapkan sasaran dan melaksanakan pelan tindakan bagi mengurangkan kesan alam sekitar dalam bidang air, air buangan, tenaga, emisi gas rumah hijau, sampah, penggunaan tanah timbus dan pembungkusan.

Berusaha untuk mengurangkan jejak alam sekitar, menyatakan kesanggupan bagi penambahbaikan berterusan pada isu-isu kemampunan dan menyokong matlamat program kemampunan Crown.

Mendapatkan bahan mentah daripada sumber boleh mampan yang serasi dengan keperluan proses pengeluaran Crown.

## Kebertanggungjawaban dan pematuhan

Crown menyarankan agar pembekal melaksanakan dasar, sistem pengurusan, prosedur yang sesuai dan pengambilan pekerja untuk memenuhi harapan Tatakelakuan Pembekal ini. Crown mengharapkan